

KENYATAAN MEDIA**SWM KASIH RAI ANAK-ANAK****PUSAT JAGAAN PERTUBUHAN KEBAJIKAN KANAK-KANAK JIWA KEHIDUPAN.**

JEMPOL, 17 DISEMBER 2019 - **SWM Kasih**, entiti tanggungjawab sosial korporat SWM Environment Sdn. Bhd. (SWM Environment), meraikan anak-anak seramai 22 orang di *Pusat Jagaan Pertubuhan Kebajikan Kanak-Kanak Jiwa Kehidupan* bersempena dengan sambutan musim kembali ke sekolah yang bakal tiba tidak lama lagi.

“Program tersebut adalah sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat (CSR) SWM Environment yang bertujuan menyemai semangat sukarelawan dan khidmat masyarakat dalam kalangan kakitangan,” kata Pengurus Wilayah Melaka & Negeri Sembilan SWM Environment, Dr Al’Ashari Bin Haji Othman.

Tambah beliau lagi, walaupun pusat jagaan tersebut menerima bantuan daripada pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sembilan, adalah penting bahawa syarikat swasta turut prihatin membantu dan mendekati golongan sasaran serta memberikan sokongan kepada anak-anak yang masih lagi kecil dan memerlukan perhatian daripada golongan dewasa.

Jiwa anak-anak yang masih rapuh perlu diisi dengan kasih sayang agar mereka dapat membesar menjadi anak-anak yang mempunyai tahap kesihatan mental yang kuat dan berkeyakinan tinggi seperti anak-anak normal yang lain walaupun mereka dibesarkan di rumah kebajikan.

Justeru itu, anak-anak di Pusat Jagaan Pertubuhan Kebajikan Kanak-Kanak Jiwa Kehidupan telah diraikan dalam suasana ceria, menggirangkan dan interaktif bagi memastikan mereka merasa disayangi dan dikasihi. Pihak syarikat juga tidak lupa untuk berkongsi tentang kesedaran amalan kitar semula dengan menyampaikan taklimat serta membuat aktiviti permainan interaktif bersama anak-anak di pusat jagaan tersebut.

Pihak syarikat sentiasa prihatin akan keperluan masyarakat setempat dan berusaha untuk memberikan bantuan kebajikan selain daripada pelaksanaan kerja-kerja kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam.



SWM Kasih juga akan turut bekerjasama dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat serta wakil setempat bagi memastikan bantuan dapat diberikan serta bersama-sama dengan kerajaan dalam memastikan golongan sasaran sentiasa diberikan perhatian sewajarnya.

TAMAT.

FAKTA

SWM ENVIRONMENT SDN BHD

SWM Environment Sdn. Bhd. ("SWM Environment") merupakan sebuah syarikat konsesi yang dilantik melalui perjanjian konsesi di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negara 2007 (Akta 672) yang bertanggungjawab terhadap pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di negeri Johor, Melaka dan Negeri Sembilan.

SWM Environment menyediakan system pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam bersepadu secara menyeluruh, terancang, kos efektif dan berkesan melalui aplikasi teknologi tinggi dan mesra alam yang terkini demi meningkatkan lagi kualiti perkhidmatannya.

SWM Environment mempunyai tenaga kerja seramai 12,000 orang, kenderaan serta jentera melebihi 1,000 buah pelbagai jenis kegunaan untuk berkhidmat kepada 27 pihak berkuasa tempatan, 1.5 juta premis kediaman dan komersial dengan lebih dari 5.1 juta orang bagi liputan geografi yang berkeluasan 27,560 kaki persegi.

Sila layari laman web: www.swmenvironment.com untuk mendapatkan maklumat lebih lanjut.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi :

Pn. Nurul Liza Mohd Najib

Penolong Pengurus, Jabatan Komunikasi Korporat,

SWM Environment Sdn. Bhd. (Negeri Sembilan)

(Tel) 06 – 601 4276/78/80, 012- 684 7168

(Faks) 06 – 601 4279